

Bahasa Melayu pemangkin kesepaduan etnik

**Nurul Afiqah
Ahmadi,**
Pendidikan
Universiti
Sultan Idris
mu. Untuk sebuah negara yang
mempunyai kepelbagaian etnik se-
perti Malaysia, bahasa adalah pe-
mangkin kesepaduan warganya.

Bahasa Melayu sudah dimaktubkan dalam Perlembagaan sebagai bahasa rasmi negara, malah ia adalah bahasa yang menghubungkan kita sejak zaman dahulu. Bayangkan tanpanya, bagaimanakah negara ini dibentuk apabila masyarakat berbilang kaum ketika itu hanya mampu bertutur bahasa ibunda mereka semata-mata. Bagaimanakah komunikasi dalam kalangan penduduk pelbagai bangsa dilakukakan? Oleh itu, usaha nenek moyang kita sejak dahulu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan perantaraan pelbagai bangsa seharusnya diharagai. Bahasa Melayu yang menjadikannya negara kita seperti hari ini dan ia adalah jambang jati diri yang dikongsi masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

Hal ini kerana bahasa juga menjadi sebahagian ciri keunikannya masyarakat kita dan identiti diri. Perkongsian identiti ini oleh rakyat secara tidak langsung mewujudkan rasa perpaduan dan semangat cintakan negara. Justeru, tahap penguasaan bahasa Melayu perlu dipertingkatkan seiring usaha memantapkan penggunaan. Ia boleh dimulakan pada peringkat sekolah bagi menyemai rasa cinta terhadap bahasa kebangsaan, sekali gus memperkasa perpaduan di Malaysia.

Berita Harian, 28 Mei 2022, m/surat 13.